



LEMBAGA MINYAK SAWIT MALAYSIA

Malaysian Palm Oil Board

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi

(Ministry of Plantation Industries and Commodities)

Ruj. Tuan / Your Ref. :

Ruj. Kami / Our Ref. : (02) 04/C/PK/789/13

1 Jun 2021

Semua Pemegang Lesen Kategori Kilang Buah Kelapa Sawit (MF)

Tuan,

KEENGGANAN MENERIMA DAN MEMBELI BUAH KELAPA SAWIT PEKEBUN KECIL

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) memandang serius atas aduan yang diterima bahawa terdapat kilang buah kelapa sawit yang enggan menerima atau membeli buah kelapa sawit daripada pekebun kecil. Tindakan sedemikian bukan sahaja memberi impak kepada pasaran urus niaga buah kelapa sawit tetapi juga memberi kesan ke atas sosio ekonomi pekebun kecil sawit tersebut.

3. MPOB memahami dasar ekonomi terbuka yang diamalkan, di mana perniagaan itu berlaku atas persetujuan kedua-dua pihak iaitu antara penjual dan pembeli. Dalam konteks ini, MPOB amat berharap bahawa isu berkaitan keengganan menerima dan membeli buah kelapa sawit dari pekebun kecil bukan disebabkan *trend* penurunan harga minyak sawit mentah (CPO) pada masa ini. Sehubungan itu, MPOB memohon kerjasama pihak kilang buah kelapa sawit sebagai penggiat industri yang bertanggungjawab dan prihatin untuk terus memberi perkhidmatan pembelian buah kelapa sawit sebagaimana norma biasa, dengan mengamalkan amalan perniagaan baik seperti melakukan penggredan buah kelapa sawit dan membayar harga buah kelapa sawit berdasarkan kualiti.

4. MPOB percaya, sektor pengilangan buah kelapa sawit antara komponen penting yang mendokong industri sawit negara. Perkhidmatan dan pengoperasian sektor pengilangan buah kelapa sawit secara teratur terutama dalam urus niaga buah kelapa sawit, seterusnya membolehkan kesemua aktiviti industri sawit dan rantaiannya dapat beroperasi secara optima.

Sekian, terima kasih.

"PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Yang benar,

DR. AHMAD PARVEEZ HJ. GHULAM KADIR

Ketua Pengarah MPOB

